

Musa yakin Bank Dunia beri faedah

KUALA LUMPUR, Rabu — Malaysia yakin Bank Dunia dapat memberi faedah ke arah mencapai matlamat pembangunan sesebuah negara sekiranya ia menjalankan peranan 'serampang dua mata'.

Menjelaskan perkara tersebut hari ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berkata peranan 'serampang dua mata' itu ialah menumpukan usaha mengemukakan pendapat dan menyediakan bantuan kewangan secara terus ke negara-negara berkenaan.

Konsep

Bellau memberitahu pemberita demikian selepas mengadakan pertemuan sejam dengan Naib Presiden Bank Dunia bagi rantau Asia Timur dan Pasifik, Encik Shahid Husain, hari ini.

Datuk Musa berkata, Bank Dunia haruslah menumpukan usaha mereka terhadap penglibatan projek-projek pembangunan.

Sekiranya usaha ini dapat dijalankan, katanya, semua negara akan mendapat faedah darinya.

Datuk Musa, bagaimanapun berkata, mereka tidak membincangkan sebarang bantuan atau projek antara Malaysia dan Bank Dunia.

Mereka sebaliknya membincangkan perkara mengenai konsep dan fungsi Bank Dunia dengan penekanan kepada rantau ini.

Mereka juga berbincang perkara-perka mengenai perancangan dalam projek-projek pembangunan.

Encik Shahid yang sedang melawat negara ini enam hari, semalam menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau juga mengadakan perbincangan dengan beberapa orang Menteri lain.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia